

**NOTIS MAKLUMAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SERTA PENILAIAN
FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA (FPBU)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI SEMESTER II, SESI AKADEMIK 2021/2022**

1. Selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah dibuka secara berperingkat kepada pelajar yang telah lengkap vaksinasi dan melepasi tempoh keberkesanan selepas lengkap vaksinasi.
2. Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di FPBU secara bersemuka adalah dibenarkan untuk pelajar yang telah lengkap vaksinasi dan melepasi tempoh keberkesanan selepas vaksinasi dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.
3. Akibat kekangan ruang, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah ditetapkan di peringkat FPBU seperti berikut:
 - 3.1. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan Penilaian bagi kumpulan prasiswazah adalah seperti berikut:

Bil.	KUMPULAN PELAJAR	PROGRAM	KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)	PENILAIAN
1	Tahun 4	Semua program	Latihan Industri (LI) dan Latihan Mengajar (LM)	LI – Penyeliaan Pensyarah secara dalam talian LM – Bersemuka/Dalam talian
2	Tahun 3	Semua program	PdP secara hibrid* untuk semua program	Bersemuka
3	Tahun 2	SMPPI dan SMBIP	Secara hibrid	Bersemuka
		SMBAK dan S MBAKI	100% dalam talian	Dalam talian
4	Tahun 1	Semua program	100% dalam talian	Dalam talian

*Hibrid di sini merujuk kepada penggiliran kelas secara bersemuka dan dalam talian mengikut minggu. Contohnya, untuk BEP3072, minggu ganjil perjumpaan bersemuka dengan semua pelajar dan minggu genap perjumpaan adalah dalam talian dengan semua pelajar.

- 3.2. Semua pelajar terlibat secara hibrid perlu berada di kampus. Bagi pelajar 100% dalam talian boleh memilih sama ada ingin berada di kampus atau tidak.

- 3.3. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kumpulan pascasiswazah adalah seperti berikut:

Bil.	PROGRAM	KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)	PENILAIAN
1	SABAK	Hibrid*	Bersemuka
2	SBAKI	Hibrid*	Bersemuka
3	SABAT	100% dalam talian	Dalam Talian
4	RMDA	100% dalam talian	Dalam Talian
5	DPPPI	Kohot 7 - 100% dalam talian	Dalam Talian
		Kohot 8 - 100% bersemuka	Bersemuka

*Hibrid di sini merujuk kepada penggiliran kelas secara bersemuka dan dalam talian mengikut minggu. Contohnya, untuk BEP3072, minggu ganjil perjumpaan bersemuka dengan semua pelajar dan minggu genap perjumpaan adalah dalam talian dengan semua pelajar.

4. Proses penginapan di Kolej Kediaman USIM akan diselaraskan oleh Pusat Perumahan Pelajar berdasarkan kekosongan. Keutamaan akan diberikan kepada pelajar tahun satu. Pelajar yang memerlukan penginapan di Kolej Kediaman USIM perlu berurusan terus ke Pusat Perumahan Pelajar.

“LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA”

**PROF. MADYA DR. ZAINUR RIJAL ABDUL RAZAK
DEKAN FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA (FPBU)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
28 JANUARI 2022 | 22 JAMADIL AKHIR 1443H**